

01 DEC 1999

GOH UCAP TAHNIAH KEPADA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas kejayaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ke 10 pada Isnin.

Dalam perutusannya kepada Perdana Menteri, Goh berkata dengan kejayaan itu, Dr Mahathir telah memperbaharui mandat untuk menerajui Malaysia ke alaf baru.

"Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada anda dan Barisan Nasional terhadap kejayaan anda. Anda sekali lagi telah menunjukkan kebolehan politik anda," kata Goh.

Perutusan beliau Goh di faks ke BERNAMA oleh Suruhanjaya Tinggi Singapura, di sini, hari ini.

Dalam pilihan raya kali ini, BN kembali berkuasa dengan majoriti selesa dua pertiga, iaitu memenangi 148 daripada 193 kerusi Parlimen.

"Rakyat Malaysia dengan jelas telah menunjukkan keyakinan mereka terhadap kepimpinan anda dan dasar-dasar anda, khususnya, dalam memulihkan ekonomi Malaysia selepas dilanda krisis kewangan," kata Goh.

Goh berkata, dengan pilihan raya selesai beliau berharap kedua-dua negara boleh menyambung semula usaha memperkukuhkan lagi hubungan sedia ada.

-- BERNAMA

RV PR